

24/04/2002

Kolokium pemikiran garis lima resolusi

MELAKA: Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad yang berakhir di sini hari ini, menggariskan lima resolusi untuk dilaksanakan bagi menterjemah dan memanfaatkan pemikiran Perdana Menteri kepada umum.

Resolusi itu ialah menggalakkan institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara mengadakan penyelidikan dan penerbitan mengenai pelbagai aspek pemikiran dan strategi Dr Mahathir kerana beliau sendiri sudah menulis 50 buku di samping 200 buku mengenai beliau yang ditulis oleh cendekiawan di dalam mahu pun di luar negara.

\* Kerjasama antara Kementerian Penerangan, Pendidikan dan Luar Negara serta kementerian lain yang berkaitan perlu diadakan untuk menyalurkan maklumat mengenai pemikiran Dr Mahathir kepada pelajar dalam dan luar negara serta orang awam melalui media cetak dan elektronik.

\* Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep), Jabatan Pendidikan negeri (JPN), Radio Malaysia Melaka (RMM), Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (Perpustam), Pejabat Penerangan, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) dan lain-lain mengadakan tindakan susulan berdasarkan kolokium ini.

\* Iksep hendaklah membukukan kertas kerja dan perbahasan ketika kolokium ini dalam bentuk manual setelah dikemas kini oleh pembentang kertas kerja dan pihak sekretariat. Hasil pembukuan ini hendaklah diedarkan kepada umum.

\* Menggalakkan Pejabat kerajaan dan swasta, IPT, jabatan dan Perpustakaan Awam negeri dan daerah di seluruh negara mewujudkan sudut pemikiran Dr Mahathir untuk memberi peluang kepada orang ramai mengenali pemikiran beliau melalui buku mengenainya.

Resolusi ini dibacakan Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Prof Madya Dr Zu'aidi Safie pada majlis penutup kolokium dua hari itu yang disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Kolokium itu dianjurkan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dengan kerjasama kerajaan Melaka.

Kira-kira 300 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk ahli akademik, ahli politik, guru, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, pelajar, pemimpin masyarakat, pegawai kerajaan dan swasta menyertai kolokium itu.

Sembilan kertas kerja pemikiran Dr Mahathir mengenai wanita, ekonomi, politik, globalisasi, Islam, sains dan teknologi, orang Melayu dan Wawasan 2020 dibentangkan sempena kolokium itu.

Sementara itu dalam ucapannya, Mohd Ali berkata, kolokium itu menjadi medan terbaik kepada peserta untuk mendapatkan persepsi jelas dan terperinci mengenai pemikiran Dr Mahathir dalam pelbagai aspek.

(END)